

BAB 4

(Analisis Data Responden)

BAB 4

ANALISIS TENTANG ADAT-ADAT MENYAMBUT KELAHIRAN BAYI DALAM MASYARAKAT ISLAM DI JAJAHAN TANAH MERAH, KELANTAN.

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membentangkan hasil analisis kajian yang dijalankan iaitu adat-adat menyambut kelahiran bayi di Jajahan Tanah Merah, Kelantan. Untuk itu, bagi melihat pengamalan adat-adat menyambut kelahiran bayi di jajahan tersebut, pengkaji menggunakan metod soal selidik, observasi dan temubual. Metod soal selidik merupakan sumber data yang utama untuk menganalisis data. Penulis telah mengedarkan sejumlah 300 set borang kaji selidik kepada responden yang melibatkan aliran dan status pendidikan serta klasifikasi penempatan masyarakat di jajahan tersebut seperti di bandar, pinggir bandar dan pedalaman atau kampung.

Daripada 300 set borang yang diedarkan, 253 set borang sahaja yang dapat dikembalikan. Pembolehubah yang diambil kira dalam membentuk solaselidik berkenaan ialah latarbelakang responden yang melibatkan jantina, tahap umur, klasifikasi penduduk, pekerjaan, taraf pendidikan suami atau isteri, tempat bersalin, dan bilangan anak pendapatan bulanan. Dalam menghuraikan masalah latar belakang responden, pengkaji mengambilkira mereka yang telah berkahwin dan mempunyai anak. Sungguhpun begitu, namun pengkaji lebih menfokuskan kepada lokasi daripada aliran responden iaitu di bandar, di pinggir


bandar dan kampung atau di pedalaman. Di antara tempat yang menjadi sasaran pengkaji ialah di setiap tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di jajahan Parlimen Tanah Merah iaitu DUN Bukit Panau seperti di kg.Pondok Baru Padang Siam, kg. Sat Hulu, kg. Sat Hilir, kg. Alor Pasir dan kg Bukit Panau. Kedua DUN Gual Ipoh seperti Kg.Kusial, kg.Gual Ipoh dan Kg Kuala Tiga. Ketiga DUN Kemahang seperti, Kg.Batang Merbau, Kg.Bendang Nyior dan kg.Kemahang 1, 2 dan 3. Lokasi tersebut digabungkan bagi membandingkan kumpulan sasaran tersebut untuk menentukan tahap pengamalan adat-adat menyambut kelahiran bayi di kawasan masing-masing.

4.2 Latar Belakang Responden

4.2.1 Jantina Responden

Daripada 253 responden, terdapat 58 orang (22.9%) lelaki dan 195 orang (77.1%) perempuan. Jumlah ini menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki memandangkan pengamalan adat-adat ini lebih banyak tertumpu kepada kaum wanita. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan jadual 4.2.1

Jadual 4.2.1 :Graf Menunjukkan Analisis Responden




(Sumber : Borang kaji selidik)

4.2.2 Taraf Pendidikan Responden

Responden mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza-beza. Responden yang mempunyai latar belakang pendidikan di peringkat rendah iaitu tidak bersekolah, tamat darjah enam dan tamat PMR ialah seramai 101 orang (40.0%), peringkat sederhana iaitu yang menduduki tingkatan lima, SPM dan STPM ialah seramai 79 orang (31.2%) dan peringkat tinggi iaitu lepasan Maktab, Diploma dan Ijazah ialah seramai 73 orang (28.8%). Didapati bahawa responden yang berpendidikan rendah lebih ramai berbanding kategori pendidikan responden yang lain. Ini menunjukkan pada hewah pengkaji, golongan berpendidikan rendah adalah di antara responden yang paling ramai mengamalkan adat resam nenek moyang mereka. (**Sila lihat Jadual 4.2.2**)

Jadual 4.2.2 : Graf Taraf Pendidikan Responden




(Sumber : Borang kaji selidik)

Jadual 4.2.2 tersebut menunjukkan kebarangkalian bahawa mereka yang berpendidikan rendah lebih banyak mengamalkan adat-adat menyambut berbanding dengan mereka yang berpendidikan lain darinya.

4.2.3 Bilangan Anak Responden

Jadual 4.2.3 menunjukkan bilangan anak responden. Responden yang mempunyai anak seramai 5 hingga 8 orang adalah merupakan kategori yang paling tinggi berbanding dengan yang lain, iaitu 104 (41.1%). Kemudian diikuti oleh responden yang mempunyai anak seramai satu hingga empat orang, iaitu 97 orang responden atau (38.8%). Seterusnya responden yang mempunyai 9 orang anak hingga seterusnya ialah 52 orang iaitu (20.6%). Keterangan lanjut boleh dilihat dalam jadual 4.2.3.

Jadual 4.2.3 : Bilangan anak responden



(Sumber : Borang kaji selidik)


4.2.4 Klasifikasi Penduduk

Jadual 4.2.4 menunjukkan bilangan dan peratusan yang tinggal di kawasan bandar iaitu 59 orang (23.2%), di pinggir bandar seramai 68 orang (26.6%), manakala seramai 126 orang (50.0%) lagi tinggal di kawasan perkampungan atau pedalaman.

Secara umumnya pada hemah pengkaji, mereka yang tinggal di kawasan pinggir bandar dan pedalaman atau kampung masih lagi ramai yang

mengamalkan adat-resam nenek moyang mereka yang dahulu jika dibandingkan dengan penduduk di kawasan bandar. Penulis beranggapan bahawa mereka yang tinggal di kawasan bandar sudah mengubah corak kehidupan mereka yang lebih moden dan terkini tanpa mengikatkan diri mereka dengan adat resam nenek moyang mereka. Juga pada bahagian penulis, mereka yang tinggal di bandar sudah mendapat pendidikan yang formal dan terkesan dengannya sehingga agak kurang selesa dengan adat yang pernah diamalkan oleh datuk dan nenek moyang mereka. Inilah yang menjadikan punca warisan adat dan budaya nenek moyang yang dahulu kala semakin disisih dan ditinggalkan dari masa ke semasa.

Jadual 4.2.4 : Graf Klasifikasi Penduduk



(Sumber : Borang kaji selidik)


4.2.5 Umur Responden

Dari sudut tahap umur responden, didapati mereka yang berumur 21 tahun hingga 30 tahun ialah 75 orang (29.9%), 31 hingga 40 tahun juga 75 orang (29.9%), manakala 103 (40.8%) adalah mereka yang berumur 41 hingga ke atas.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa tahap usia menjadi ukuran dalam mengamalkan adat menyambut kelahiran bayi. Mengikut hemah pengkaji, mereka yang berusia 30 tahun ke atas nampaknya lebih gemar mengamalkan adat resam ibunda mereka berbanding daripada mereka yang lain. Dengan itu, jelaslah di sini, bahawa tahap umur yang sedemikian itu masih juga mewarisi peninggalan nenek moyang mereka. Manakala tahap umur 21 hingga 30 tahun nampaknya kurang berminat disebabkan arus budaya kemodenan dan mungkin juga kesan daripada pendidikan samada secara formal atau tidak.

Justeru, bolehlah dikatakan tahap umur menjadi bahan pengukur kepada seseorang dalam mengamalkan warisan ibunda mereka semasa menyambut kelahiran seseorang bayi. Di mana jika dilihat dari sudut keilmuan pula, kaum muda lebih terpelajar dan berilmu jika dibanding dengan kaum tua. Oleh itu, penulis dapati kaum tua lebih ramai mengamalkan adat menyambut kelahiran bayi

4.2.5: Umur Responden




(Sumber : Borang kaji selidik)

4.2.6 Pekerjaan Responden

Jadual 4.2.6 memaparkan kategori pekerjaan yang mana terdapat 93 orang (36.7%) daripada responden yang bekerja sebagai surirumah. 50 orang (19.7%) sebagai pegawai kakitangan di bahagian sektor awam, 23 orang (9.1%) di sektor swasta, 29 orang (11.5%) bekerja sebagai peniaga, 27 orang (10.7%) sebagai petani dan buruh atau pekerja kilang 3 orang (1.2 %) orang sebagai buruh atau pekerja kilang.

Sekali imbas, status pekerjaan tidak mempengaruhi para responden dalam mengamalkan adat menyambut kelahiran bayi. Namun pekerjaan memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan status sosio-ekonomi sesebuah keluarga. Bahkan pemilihan responden dari latar belakang yang berbeza ini menggambarkan pandangan yang berbeza terhadap subjek kajian ini.

4.2.6 Jadual Pekerjaan Responden




(Sumber : Borang kaji selidik)

4.2.7 Tempat Bersalin

Bagi ibu-ibu, mereka diberi pilihan samada untuk bersalin di hospital kerajaan ataupun di hospital swasta, walaupun ada di setengah tempat atau kawasan yang masih yang masih memberi pilihan samada mahu bersalin di rumah ataupun hospital. Namun, ibu-ibu digalakkan untuk bersalin di hospital yang bertujuan bagi memudahkan pengurusan kelahiran anak. Sebanyak 220 orang (86.9%) daripada mereka bersalin di hospital kerajaan, dan sebaliknya seramai 31 orang (12.8%) di hospital swasta. Jumlah seramai 2 orang (0.8%) adalah bersalin di rumah. Didapati ramai responden yang memilih bersalin di hospital kerajaan memandangkan kos pengurusannya agak lebih murah jika dibandingkan dengan kos pengurusannya di hospital swasta.

4.2.7 Jadual Tempat Responden Bersalin




(Sumber :Borang kaji selidik)

4.2.8 Pendapatan Bulanan Responden

Daripada jadual 4.2.8 menunjukkan bahawa jumlah responden yang berpendapatan yang kurang RM 1 000 hingga RM2 000 sebulan ialah seramai 23 orang (9.1%), mereka yang berpendapatan sebanyak RM 2 000 ke atas ialah seramai 79 orang (31.2%), Manakala mereka yang berpendapatan daripada RM 500 hingga RM 1 000 pula ialah seramai 51 orang iaitu (20.2 %), dan mereka yang berpendapatan kurang daripada RM 500 ialah 100 orang (39.5%).

Daripada pengamatan, penulis mendapati bahawa dengan pendapatan yang diperolehi oleh responden boleh membuka ruang keselesaan kepada responden untuk menentukan persiapan yang bakal ditempoh bagi menyambut sesuatu kelahiran bayi itu dapat dibuat dan dilaksanakan dengan baik. Begitu juga dengan pendapatan tersebut responden dapat menambahkan kewangan keluarga untuk keperluan jangka pendek dan jangka panjang.

4.2.8: Jadual Bulanan Pendapatan Responden



(Sumber: Borang kaji selidik)

4.2.9 Profil Responden Mengikut Tahap, Aliran Pendidikan dan Lokasi Penduduk

Jadual 4.2.9 : Jadual Profil Responden Mengikut Tahap, Aliran dan Lokasi Responden

Tahap	Klasifikasi Penduduk					Aliran Responden			
	B	P.B	Kg	Jum Bil. (Org)	%	Agama	B. Agama	Jum Bil. (Org)	%
Rendah	24	24	53	101	40.0	36	37	73	28.9
Sederhana	20	21	38	79	31.2	37	42	79	31.2
Tinggi	15	23	35	73	28.9	45	56	101	40
Jumlah	59	68	126	253		118	135	253	
Peratus (%)	23.2	26.8	50		100	46.6	53.4		100

(Sumber: Borang kaji selidik)

Petunjuk:

B= Bandar

P.B=Pinggir Bandar

Kg=Kampung (Pedalaman)

Berdasarkan jadual 4.2.10 di atas, responden kajian adalah terdiri daripada 253 orang penduduk yang dibahagikan kepada tiga kategori tahap Pendidikan mereka di dalam akademik. Kategori pertama ialah tahap pendidikan rendah iaitu responden yang tidak belajar, tamat darjah enam dan tamat PMR. Kategori kedua ialah pertengahan iaitu responden yang memperolehi Sijil SPM dan STPM. Manakala kategori ketiga ialah tahap berpendidikan tinggi iaitu responden yang memperolehi tahap sijil, Diploma, Maktab, Ijazah dan Sarjana.

Tahap Responden pendidikan rendah dalam kajian ini ialah seramai 73 orang, iaitu 15 orang di bandar, 23 orang di luar bandar dan 35 orang di perkampungan. Responden yang tahapnya pada sederhana adalah seramai 79

orang, iaitu 20 orang di kawasan bandar, 21 orang di kawasan pinggir bandar dan 38 orang di kawasan perkampungan. Manakala responden yang tinggi tahapnya pula ialah seramai 101 orang, iaitu 24 orang di kawasan bandar, 24 orang di luar bandar dan 53 orang di kawasan perkampungan.

Mengikut aliran responden, didapati bahawa 118 orang (46.6%) ialah beraliran agama iaitu 36 orang (30.5%) adalah yang bertaraf rendah, 37 orang (31.4%) adalah yang sederhana dan 45 orang (38.1%) adalah bertaraf tinggi. Manakala responden yang bukan beraliran agama adalah seramai 135 orang iaitu (53.4%), 37 orang daripadanya iaitu (27.4%) adalah bertaraf rendah, 42 orang (31.1%) adalah bertaraf sederhana dan yang tarafnya tinggi pula ialah 56 orang (41.5%).

4.3 Dapatan Kajian

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian analisis dan data dan beberapa dapatan berkaitan kajian yang dijalankan oleh pengkaji meliputi aspek-aspek berikut:

4.3.1 Adat-Adat Menyambut Kelahiran Bayi

Dalam bahagian ini kajian dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti sejauh manakah masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah mengamalkan sesuatu adat ketika menyambut kelahiran bayi mereka. Pengamalan adat-adat menyambut kelahiran bayi oleh masyarakat di jajahan ini dapat diukur berdasarkan tiga kategori, iaitu adat-adat sebelum dan selepas kelahiran serta amalan-amalan sunnah yang telah diadatkan. Untuk itu, dalam adat sebelum bersalin, pengkaji memaparkan adat-adat yang berkaitan dengan penjagaan ibu dan bayi serta adat memudahkan proses bersalin. Seterusnya adat-adat selepas

bersalin pengkaji memuatkan adat-adat yang berkaitan dengan adat pemulihan ibu dan pemeliharaan diri. Disamping itu pengkaji menyelitkan juga kepercayaan masyarakat Islam terhadap adat-adat berkenaan. Manakala kategori yang seterusnya ialah amalan-amalan sunnah yang telah diadatkan oleh masyarakat berkenaan.

Bagi menggambarkan pengamalan terhadap adat-adat sebelum, selepas kelahiran dan amalan-amalan sunnah yang telah diadatkan, pengkaji mengketogerikan jawapan kepada pengamalan responden di ruangan **Ya**, manakala jawapan responden yang tidak pernah atau tidak mengamalkannya diketogerikan di ruangan **Tidak** dan jawapan responden terhadap adat- adat kelahiran yang kadang kala sahaja diamalkan di ruangan **Kadang-Kadang**. Penganalisaan data adalah berpandukan kepada kekerapan dan peratusan dalam ketiga-tiga skala tersebut.

Seterusnya bagi menunjukkan tanggapan atau tahap kepercayaan kepada sesuatu adat atau amalan yang dilakukan oleh responden, pengkaji menggunakan skala **Setuju** kepada kepercayaan penuh, manakala **Tidak Setuju** kepada tidak mempercayainya dan **Tidak Pasti** kepada jawapan respon yang tidak tahu atau di antara percaya atau tidak percaya. Penganalisaan data adalah berpandukan kepada kekerapan dan peratusan dalam ketiga-tiga skala tersebut.

4.3.1 Analisis Adat Menyambut Sebelum Kelahiran Bayi

Untuk mengenalpasti pengamalan adat-adat menyambut kelahiran bayi, pengkaji telah membuat analisa seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.3.1.a. di bawah ini.

4.3.1.a Jadual Pengamalan Adat-adat Penjagaan Ibu dan Bayi

A.	Kategori	Bilangan Responden			Jumlah
		Ya	Tidak	Kadang-Kadang	
Adat Penjagaan Ibu dan Bayi	1. Pantang Larang	177	73	3	253
	Peratus (%)	70.0	28.9	1.1	100
	2. Penjagaan Pemakanan Kesihatan	139	56	58	253
	Peratus (%)	54.9	22.1	23.0	100
	3. Penyediaan Kelengkapan Bersalin	220	6	27	253
	Peratus (%)	87.0	2.4	10.6	100
	4. Senaman	67	107	79	253
	Peratus (%)	26.5	42.3	31.2	100
	5. Penggunaan Alat atau Kaedah Tertentu Dalam Menentukan Jantina Bayi	182	57	14	253
	Peratus (%)	72.0	22.5	5.5	100
JUMLAH		785	299	181	1265
PERATUS (%)		62.1	23.6	14.3	500

(Sumber: Borang kaji selidik)

Berdasarkan jadual 4.3.1.a di atas, hasil kajian mendapati bahawa terdapat seramai 177 orang iaitu (70.0%) responden yang menyatakan bahawa mereka mengamalkan pantang larang sebelum tiba kelahiran. 73 orang responden (28.9%) pula menyatakan tidak dengan pernyataan tersebut. Manakala 3 orang responden (1.1%) yang menyatakan kadang-kadang dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan masih mengamalkan adat-adat pantang larang dalam menyambut kelahiran bayi mereka.

Bagi penjagaan pemakanan kesihatan, seramai 139 orang responden iaitu 54.9 % yang mengamalkan penjagaan pemakanan kesihatan tersebut. 56 orang

(22.1%) yang menyatakan tidak, manakala 58 orang (23.0%) yang menyatakan kadang-kadang terhadap pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut mengamalkan penjagaan kesihatan secara berterusan bagi memastikan kesihatan ibu dan bayi terkawal.

Bagi penyediaan kelengkapan bersalin pula, seramai 220 responden iaitu (87.0%) yang mengiyakan kepada pernyataan tersebut. 6 orang (2.4%) yang menyatakan tidak, manakala kadang-kadang pula ialah seramai 27 orang iaitu (10.6%). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut menyediakan kelengkapan untuk bersalin sebelum tiba tempoh bersalin bagi anak-anak mereka.

Bagi senaman pula, didapati bahawa seramai 67 orang responden iaitu (26.7%) sahaja yang mengiyakan dengan pernyataan ini. 107 orang (42.3%) menyatakan tidak dengan pernyataan berkenaan, manakala 79 orang (31.2%) yang menyatakan kadang-kadang dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat berkenaan tidak mengamalkan senaman sebelum mereka melahirkan anak.

Bagi kategori penggunaan alat atau kaedah dalam menentukan jantina bayi, didapati bahawa seramai 182 (72.0%) yang mengiyakan dengan pernyataan ini. 57 orang (22.55) yang menunjukkan tidak dengan pernyataan tersebut, manakala 14 orang (5.5%) yang menyatakan kadang-kadang terhadap menggunakan suatu kaedah yang tertentu bagi menentukan jantina bayi. Di sini jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan tersebut turut menggunakan alat-alat atau kaedah-kaedah tertentu dalam menentukan jantina anak mereka.

Berdasarkan dapatan ini dapatlah dirumuskan secara keseluruhannya bahawa terdapat perbezaan yang ketara di antara pernyataan ya dan tidak di dalam aspek pengamalan adat-adat penjagaan ibu dan bayi. Yang jelas, masyarakat di jajahan ini lebih gemar mengamalkan adat-adat tersebut jika dirujuk kepada jumlah peratus keseluruhan dalam aspek ini iaitu sebanyak 62.1% yang menyatakan ya, 23.6% menyatakan tidak dan 14.3% menunjukkan kadang-kadang.

4.3.1.a Adat-Adat Agar Mudah Bersalin

Berdasarkan jadual 4.3.1.2 di bawah, hasil kajian mendapati bahawa terdapat seramai 203 orang iaitu (80.3%) responden yang mengamalkan istiadat melenggang perut sebelum bersalin. 48 orang responden (18.8%) pula menyatakan tidak dengan pernyataan tersebut. Manakala 1 orang responden (0.8%) yang menyatakan kadang-kadang dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan masih mengamalkan adat istiadat melenggang perut agar memudahkan proses bersalin kelak.

Bagi amalan penggunaan air atau minyak selusuh sebelum bersalin, didapati seramai 199 orang responden iaitu (78.7%) yang menunjukkan masih mengamalkan amalan tersebut. 47 orang (18.6%) yang menyatakan tidak, manakala 7 orang (2.7%) yang menyatakan kadang-kadang terhadap pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut mengamalkan penggunaan air atau minyak selusuh sebelum melahirkan anak bagi memastikan ibu-ibu mudah untuk bersalin.

Bagi penyediaan mengadakan majlis doa selamat dan solat hajat pula, seramai 212 responden iaitu (84.0%) yang mengiyakan pernyataan tersebut. 36 orang (14.2%) yang menyatakan tidak, manakala kadang-kadang pula ialah seramai 5 orang iaitu (1.8%). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut mengadakan majlis doa selamat dan solat hajat sebagai persiapan awal sebelum menempuh hari bersalin dengan harapan agar ibu-ibu terselamat daripada musibah.

Bagi amalan berupa wirid atau doa sebelum kelahiran pula, didapati bahawa seramai 219 orang responden iaitu (86.7%) sahaja yang mengamalkan amalan berkenaan. 12 orang (4.7%) menyatakan tidak dengan pernyataan berkenaan, manakala 22 orang (8.6%) yang menyatakan kadang-kadang dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat berkenaan mengamalkan bacaan wirid dan doa-doa tertentu ketika mengandung bagi memudahkan proses bersalin.

4.3.1.a Jadual Adat-Adat Agar Mudah Bersalin

B.	Kategori	Bilangan Responden			Jumlah
		Ya	Tidak	Kadang-Kadang	
Adat agar mudah bersalin	1. Melenggang perut	203	48	1	253
	Peratus (%)	80.3	18.8	0.8	100
	2. Menggunakan air atau minyak selusuh	199	47	7	253
	Peratus (%)	78.7	18.6	2.7	100
	3. Mengadakan majlis doa selamat dan solat hajat	212	36	5	253
	Peratus (%)	84.0	14.2	1.8	100
	4. Mengamalkan doa-doa dan wirid-wirid.	219	12	22	253
	Peratus (%)	86.7	4.7	8.6	100
	JUMLAH	833	143	35	1012
	PERATUS (%)	82.3	14.1	3.5	400

(Sumber : Borang kaji selidik)

4.3.2 Adat-Adat Selepas Bersalin

4.3.2.a Adat-Adat Pemulihan Kesihatan

Berdasarkan jadual 4.3.2.a. di bawah, hasil kajian mendapati bahawa terdapat seramai 227 orang iaitu (89.7%) responden yang mengamalkan amalan berpantang selepas bersalin. 26 orang responden (10.3%) pula menyatakan tidak dengan pernyataan tersebut. Manakala tiada seorang pun responden (0.0%) yang menyatakan kadang-kadang dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan majoriti masyarakat di jajahan berkenaan masih mengamalkan adat-adat pantang larang selepas bersalin.

Bagi adat mengurut dan bertungku, seramai 195 orang responden iaitu (77.0%) yang masih mengamalkan amalan tersebut. 51 orang (20.2%) yang menyatakan tidak, manakala 7 orang (2.8%) yang menyatakan kadang-kadang terhadap pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut mengamalkan amalan berurut dan bertungku selepas bersalin bagi mengembalikan kesihatan yang telah hilang agar kembali pulih seperti sediakala.

Bagi amalan mengambil ubat-ubatan tradisional pula, seramai 248 responden iaitu (98.0%) yang mengiyakan pernyataan tersebut. 3 orang (1.2%) yang menyatakan tidak, manakala kadang-kadang pula ialah seramai 2 orang iaitu (0.8%). Ini menunjukkan satu perbezaan yang cukup ketara di antara bilangan responden yang mengambil ubat-ubatan dengan bilangan responden yang lain, yang mana hanya 5 orang responden iaitu (2.0%) sahaja yang tidak mengambil ubat-ubatan tradisional dan ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat di jajahan ini gemar mengambil bahan-bahan ubatan tradisional untuk memulihkan kembali kesihatan mereka.

Bagi pengamalan senaman ringan selepas bersalin pula, didapati bahawa seramai 56 orang responden iaitu (22.1%) sahaja yang mengamalkan amalan berkenaan. 115 orang (45.5%) menyatakan tidak dengan penyataan berkenaan, manakala 82 orang (32.4%) menyatakan kadang-kadang dengan penyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat berkenaan tidak mengamalkan senaman selepas mereka melahirkan anak. Didapati bahawa mereka yang ramai mengamalkan senaman adalah di kalangan ibu-ibu yang berpendidikan tinggi.

4.3.2.a Jadual Pengamalan Adat-Adat Pemulihan kesihatan Ibu

C.	Kategori	Bil.Responden			Jumlah
		Ya	Tidak	Kadang-Kadang	
Adat Pemulihan Kesihatan Ibu	1. Berpantang	227	26	0	253
	Peratus (%)	89.7	10.3	0.0	100
	2. Berurut dan Bertungku	195	51	7	253
	Peratus (%)	77.0	20.2	2.8	100
	3. Pemandian dedaun "teresak"	89	104	60	253
	Peratus (%)	35.2	41.1	23.7	100
	4. Berbarut dan Berdiang	201	14	38	253
	Peratus (%)	79.5	5.5	15.0	100
	5. Pengambilan ubat-ubatan tradisional	248	3	2	253
	Peratus (%)	98.0	1.2	0.8	100
	6. Senaman ringan	56	115	82	253
	Peratus (%)	22.1	45.5	32.4	100
JUMLAH		1016	313	189	1518
PERATUS (%)		22.1	20.6	12.5	600

(Sumber: Borang soal selidik)

4.3.2.b Adat Penjagaan Diri Ibu dan Bayi

Berdasarkan jadual 4.3.2.b. di bawah, hasil kajian mendapati bahawa terdapat seramai 155 orang iaitu (61.2%) responden yang menyatakan dengan pernyataan bahawa mereka menanam uri anak-anak mereka berdasarkan peraturan yang tertentu ketika menanamnya. 72 orang responden (28.5%) pula menyatakan tidak dengan pernyataan tersebut. Manakala 26 orang responden (10.3%) yang menyatakan kadang-kadang dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan masih mengamalkan adat-adat penanaman uri mengikut cara dan peraturan adat resam orang-orang tua dahulu kala.

Bagi adat pelepas diri ibu dan anak, seramai 148 orang responden iaitu (58.5%) yang mengamalkan amalan tersebut. 43 orang (17.0%) yang menyatakan tidak, manakala 62 orang (24.5%) yang menyatakan kadang-kadang terhadap pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa terdapat juga sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut mengamalkan adat pelepas diri bagi si ibu dan si anak daripada gangguan makhluk-makhluk halus yang jahat.

Bagi amalan perancang keluarga pula, seramai 189 responden iaitu (74.7%) yang mengamalkan amalan tersebut. 17 orang (6.7%) yang menyatakan tidak, manakala kadang-kadang pula ialah seramai 47 orang iaitu (18.6%). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut mengamalkan cara perancang keluarga yang mereka bakal ditempohi nanti.

Bagi penggunaan azimat atau tangkal ketika ditimpa sesuatu musibah pula, didapati bahawa seramai 73 orang responden iaitu (28.8%) sahaja yang mengiyakan dengan pernyataan berkenaan. 108 orang (42.7%) menyatakan tidak dengan pernyataan berkenaan, manakala 72 orang (28.5%) yang menyatakan

kadang-kadang dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat berkenaan sudah tidak gemar kepada amalan – amalan nenek moyang mereka yang kerap menggunakan tangkal atau azimat ketika mengamalkan sesuatu perubatan.

Bagi kategori pengamalan melepaskan susu bayi pada suatu tempoh yang tertentu, didapati bahawa seramai 103 (40.7%) yang mengiyakan pernyataan tersebut. 21 orang (8.3%) yang menunjukkan tidak dengan pernyataan tersebut, manakala 129 orang (51.0%) yang menyatakan kadang-kadang terhadap memberhentikan penyusuan terhadap anak-anak mereka. Di sini jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan tersebut tidak menentukan atau menghadkan suatu tempoh yang tertentu dalam memberhentikan penyusuan terhadap anak-anak mereka.

4.3.2.b Jadual Penjagaan Diri Ibu dan Bayi

D. Adat Penjagaan Ibu dan Bayi Selepas Bersalin	Kategori	Bilangan Responden			Jumlah
		Ya	Tidak	Kadang-Kadang	
1. Penanaman urin		155	72	26	253
	Peratus (%)	61.2	28.5	10.3	100
2. Pelepas diri		148	43	62	253
	Peratus (%)	58.5	17.0	24.5	100
3. Perancang Keluarga		189	17	47	253
	Peratus (%)	74.7	6.7	18.6	100
4. Pemakaian azimat atau tangkal ketika ditimpu sesuatu musibah		73	108	72	253
	Peratus (%)	28.8	42.7	28.5	100
5. Pengamalan suatu tempoh tertentu melepaskan susu bayi		103	21	129	253
	Peratus (%)	40.7	8.3	51.0	100
JUMLAH		668	261	336	1265
PERATUS (%)		52.8	20.6	26.6	500

(Sumber: Borang soal selidik)

4.3.3 Amalan Sunnah Yang Diadatkan

Berdasarkan jadual 4.3.3 di bawah, hasil kajian mendapati bahawa terdapat seramai 234 orang iaitu (92.5%) responden yang mengiqāmah dan mengazāñkan bayi setelah bersalin. 3 orang responden (1.2%) pula menyatakan tidak dengan penyataan tersebut. Manakala 16 orang responden (6.3%) yang menyatakan kadang-kadang dengan penyataan tersebut. Ini menunjukkan majoriti masyarakat di jajahan berkenaan masih mengamalkan sunnah Rasulullah S.A.W dalam menyambut kelahiran bayi mereka.

Bagi upacara majlis *tahnīk* dan selawat, seramai 159 orang responden iaitu (62.8%) yang mengadakan upacara majlis *tahnīk* dan berselawat. 36 orang (14.2%) yang menyatakan tidak, manakala 58 orang (23.0%) yang menyatakan kadang-kadang terhadap penyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut mengadakan upacara majlis *tahnīk* dan selawat kepada junjungan Rasulullah S.A.W bagi menyambut kelahiran anak mereka.

Bagi amalan penggunaan bahan-bahan selain buah tamar atau kismis di majlis tahnik pula, seramai 244 responden iaitu (96.4%) yang mengiyakan penyataan tersebut. 1 orang (0.4%) yang menyatakan tidak, manakala kadang-kadang pula ialah seramai 8 orang iaitu (3.2%). Ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat di jajahan berkenaan turut menyediakan bahan-bahan lain selain buah tamar dan kismis di majlis tahnik tersebut.

Bagi amalan bersedekah pula, didapati bahawa seramai 67 orang responden iaitu (26.5%) sahaja yang menunjukkan melakukan penyataan

berkenaan. 107 orang (42.3%) menyatakan tidak dengan penyataan berkenaan, manakala 79 orang (31.2%) yang menyatakan kadang-kadang dengan penyataan tersebut. Perbezaan bilangan responden yang tidak bersedekah adalah melebihi seramai 40 orang (16.0%) berbanding dengan responden yang bersedekah setelah rambut anaknya dicukurkan di majlis tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat berkenaan tidak mengamalkan amalan bersedekah ketika menyambut kelahiran anak mereka.

Bagi kategori majlis kenduri *aqiqah* pada setiap kali tiba kelahiran, didapati bahawa seramai 237 orang (93.0%) yang mengadakan kenduri tersebut. 3 orang (1.9%) yang menunjukkan tidak dengan penyataan tersebut, manakala 13 orang (5.1%) yang menyatakan kadang-kadang dalam mengadakan majlis *aqiqah* bagi menyambut setiap kelahiran yang baru. Di sini jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan ini turut mengamalkan majlis *aqiqah* di dalam merealisasikan amalan-amalan sunnah Nabi Muhammad S.A.W dalam kehidupan mereka ketika menyambut kelahiran anak-anak mereka yang baru.

Bagi menunjukkan majlis doa selamat dan solat hajat untuk upacara berkhatan kepada anak-anak, didapati bahwa seramai 188 orang responden iaitu (74.3%) mengamalkannya, 56 orang (22.1%) yang menyatakan tidak dan yang kadang-kadang ialah seramai 9 orang iaitu (3.6%). Ini menunjukkan bahawa masyarakat di jajahan ini menjadikan majlis bacaan doa selamat dan solat hajat seperti suatu kemestian sebelum upacara majlis khatan berlangsung bagi memohon keselamatan anak-anak mereka.

Secara keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan bahwa amalan sunnah Nabi S.A.W yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan telah menjadi suatu adat di dalam mengharungi perjuangan hidup mereka sehari-hari disamping terdapat beberapa unsur-unsur penambahan daripada amalan-amalan sebenar Rasulullah S.A.W.

4.3.3. Jadual Amalan-amalan Sunnah Yang Diadatkan

E. Amalan Sunnah Yang Diadatkan	Kategori	Bil.Responden			Jumlah
		Ya	Tidak	Kadang-Kadang	
1. Mengazarkan dan menjiamahkan bayi		234	3	16	253
Peratus (%)		92.5	1.2	6.3	100
2. Majlis tahnik dan selawat		159	36	58	253
Peratus (%)		62.8	14.2	23.0	100
3. Penggunaan bahan-bahan selain buah tamar dan kismis di majlis tahnik		244	1	8	253
Peratus (%)		96.4	0.4	3.2	100
4. Bersedekah mengikut timbangan berat rambut bayi		67	107	79	253
Peratus (%)		26.5	42.3	31.2	100
5. Kenduri aqiqah setiap kali kelahiran		237	3	13	253
Peratus (%)		93.0	1.9	5.1	100
6. Majlis doa selamat dan solat hajat untuk majlis khitan anak		188	56	9	253
Peratus (%)		74.3	22.1	3.6	100
JUMLAH		1129	206	183	1518
PERATUS (%)		74.4	13.6	12.0	600

(Sumber: Borang kaji selidik)

4.3.4. Tanggapan Masyarakat Terhadap Adat-Adat Menyambut Kelahiran

Berdasarkan jadual 4.3.4 di bawah, hasil kajian mendapati bahawa terdapat seramai 147 orang iaitu (58.1%) responden mengiyakan bahawa kesulitan bersalin berkait rapat dengan perlanggaran si ibu terhadap pantang larangan

semasa mengandung. 73 orang responden (28.9%) pula menyatakan tidak dengan penyataan tersebut. Manakala 33 orang responden (13.0%) yang menyatakan tidak pasti dengan penyataan tersebut. Ini menunjukkan sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan mempercayai kepada adat resam nenek moyang mereka yang dahulu kala. Di manakah kesulitan yang dialami oleh ibu ketika saat hendak melahirkan anak adalah berkait rapat dengan kepatuhan dan perlenggaran pantang larang tersebut.

Bagi bacaan doa-doa dan wirid, seramai 183 orang responden iaitu (72.3%) yang mengamalkan amalan tersebut sebagai alternatif memudahkan proses bersalin. 9 orang (3.6%) yang menyatakan tidak, manakala 61 orang (24.1%) yang menyatakan tidak pasti terhadap penyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut mempercayai kemukjizatan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa dalam menentukan kerumitan dan kemudahan semasa proses bersalin.

Bagi perlakuan amalan kebajikan semasa mengandung pula, seramai 123 responden iaitu (48.6%) yang mempercayai bahawa ianya dapat mewarisi sifat-sifat terpuji tersebut kepada anaknya selepas bersalin. 47 orang (218.6%) yang menyatakan tidak, manakala tidak pasti pula ialah seramai 83 orang iaitu (32.8%). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan berkenaan turut mempercayai bahawa amalan kebajikan yang dilakukan oleh perempuan yang sedang mengandung akan turut memberi kesan kepada anak yang bakal dilahirkan nanti.

Bagi soalan peraturan menanam uru pula, didapati bahawa seramai 78 orang responden iaitu (30.8%) sahaja yang mempercayai bahwa ianya dapat menjadikan bayi berkenaan akan mendapat sanjungan dan pujaan ramai. 71 orang

(28.1%) menyatakan tidak dengan penyataan berkenaan, manakala 104 orang (41.1%) yang menyatakan tidak pasti dengan penyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat ini mengenakan peraturan ketika penanaman uru adalah kerana terikut-ikut dengan adat-adat resam nenek moyang mereka secara membuta tuli tanpa membantahnya.

Bagi soalan anak akan memperolehi keberkatan jika ditahnikkan oleh mereka yang alim atau soleh, didapati bahawa seramai 196 orang (77.5%) yang mengiyakan dengan penyataan tersebut. 15 orang (5.9%) yang menunjukkan tidak, manakala 42 orang (0.3%) yang menyatakan tidak pasti terhadap penyataan tersebut. Di sini jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat di jajahan tersebut turut mengharapkan agar anak-anak mereka akan memperolehi keberkatan hasil daripada sentuhan dan belaian daripada hamba-hamba Allah yang soleh itu.

Bagi soalan pelepas diri pula, didapati seramai 115 orang responden (45.5%) yang mempercayai bahawa ianya dapat menghindarkan mereka sekeluarga daripada ditimpa musibah. 88 orang (34.7%) yang menyatakan tidak. Manakala yang menyatakan tidak pasti ialah seramai 50 orang iaitu (19.8%). Ini jelas menunjukkan sebahagian besar masyarakat di jajahan ini mempercayai dengan melakukan amalan tersebut akan dapat menghindarkan diri mereka daripada ditimpa musibah dan bala. Di mana kita dapati seramai 45% daripada jumlah keseluruhan responden menerima penyataan benar tersebut.

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa responden-responden berkenaan lebih mempercayai bahawa adat-adat nenek moyang mereka yang lampau perlu dijaga demi keselamatan dan kebahagian diri mahupun

keluarga. Ini menunjukkan pernyataan setuju telah mengatasi pernyataan lain sebanyak 55.5% daripada jumlah responden yang lain.

4..3.4. Jadual Tanggapan Masyarakat Terhadap Adat-adat Menyambut Kelahiran

F.	Kategori	Bilangan Respon			Jumlah
		Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	
Tanggapan terhadap adat-adat menyambut kelahiran	1. Kesulitan bersalin berkait rapat dengan perlengkaran pantang larang semasa mengandung.	147	73	33	253
	Peratus (%)	58.1	28.9	13.0	100
	2. Bacaan doa-doa dan wirid memudahkan proses bersalin	183	9	61	253
	Peratus (%)	72.3	3.6	24.1	100
	3. Melakukan amalan kebaikan semasa mengandung dapat mewarisi anak dengan sifat-sifat terpuji berkenaan selepas bersalin.	123	47	83	253
	Peratus (%)	48.6	18.6	32.8	100
	4. Peraturan menanam uru wajar diambil untuk menjadikan bayi mendapat sanjungan dan pujaan ramai suatu hari kelak.	78	71	104	253
	Peratus (%)	30.8	28.1	41.1	100
	5. Anak memperolehi keberkatan sekiranya ia ditahnikan oleh mereka yang soleh dan alim.	196	15	42	253
	Peratus (%)	77.5	5.9	16.6	100
	6. Upacara pelepas wajar diambil untuk menjauhkan diri dari mala petaka.	115	88	50	253
	Peratus (%)	45.5	34.7	19.8	100
JUMLAH		842	303	373	1518
PERATUS (%)		55.5	20.1	24.7	600

(Sumber: Borang kaji selidik)

4.4 Rumusan

Berdasarkan beberapa dapatan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa pengamalan adat-adat menyambut kelahiran dalam masyarakat Melayu Islam di jajahan Tanah Merah dapat dikenalpasti. Pengamalan tersebut masih lagi berleluasa meskipun terdapat pengurangan pengamalan adat-adat tertentu ketika menyambut kelahiran. Yang jelasnya adat-adat yang berhubungkait dengan penjagaan kesihatan masih diterimakan oleh masyarakat di jajahan tersebut. Walaupun begitu, adat-adat yang sering dikaitkan dengan sesuatu kepercayaan tertentu menunjukkan pengurangan jika dibandingkan dengan adat-adat kelahiran yang lain pada tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa proses pengislamisasi di Malaysia masa kini turut memberi kesan ke atas sikap dan amalan masyarakat berkenaan. Adalah diharapkan dengan hasil dapatan kajian yang dikemukakan akan dapat menyumbang ke arah memperjelaskan situasi sebenar mayarakat tersebut.